

KENYATAAN MEDIA

GABUNGAN MUKA BARU DAN LAMA TERAJUI MBPJ

Gabungan Ahli Majlis baru dan lama akan dapat memantapkan lagi pentadbiran dalam membantu mengekalkan kecemerlangan Bandaraya Petaling Jaya sebagai Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari – Hijau Selamat dan bersih.

Pelantikan Ahli –ahli Majlis baru pastinya akan membawa pengertian yang amat besar dan menuntut perubahan dari semua aspek, terutamanya perancangan dan pelaksanaan program yang telah dirangka oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Adalah amat penting setiap Ahli Majlis yang bersetuju menerima jawatan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk menerima dengan suci dan tulus hati menandatangani Akujanji Integriti Pihak Berkuasa Tempatan demi mematuhi peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis semua harus memiliki sifat-sifat pemimpin yang boleh diteladani sesuai dengan Akujanji Integriti tersebut.

Ini merupakan amanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk mentadbir MBPJ. Dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam organisasi pada pengurusan yang berorientasikan kepuasan pelanggan adalah amat wajar ditiitk beratkan kerana MBPJ sebagai sebuah organisasi barisan hadapan yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai kerenah pelanggan.

Ketepatan fakta dan tindakan yang cepat dan berkualiti perlu di utamakan untuk meraih kepercayaan orang ramai terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk menyampaikan Perkhidmatan Bandar kepada warga Petaling Jaya. Oleh itu, semangat bekerja dalam satu pasukan haruslah dititik beratkan bagi menyelesaikan masalah rakyat di Petaling Jaya ini.

Pengenalan dan penghayatan nilai dan etika profesional hendaklah dijadikan tunggak dalam membudayakan kecemerlangan MBPJ. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab kepimpinan pengurusan, Ahli-ahli Majlis untuk menerapkan nilai-nilai tersebut dalam organisasi pimpinan kita, perkhidmatan mementingkan pelanggan hendaklah diberi keutamaan yang paling tinggi dan kita perlu bertindak lebih proaktif dan “action oriented” bukannya menunggu aduan baru tindakan diambil.

Disediakan oleh:

Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya